

	Document type: Notice	Title: Personal Data Protection	Document number: pdp/hslegal/v2/2025
	Document owner: Group Legal and Compliance Division		Rev. no. 02
			Last reviewed: 30.5.2025

PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE

1. Introduction

We respect your privacy and are committed to protecting your personal data. In compliance with the Personal Data Protection Act 2010, its amendments and regulations, this Notice is issued to inform you of your rights with regards to your personal data that has been and/or will be collected and processed by us.

2. Collection of personal data

We have collected and will collect your personal data to be processed by us and/or on our behalf in the course of your present or future dealings with Hap Seng Consolidated Berhad, their subsidiaries and associated companies (“Hap Seng Group”, “we”, “our” or “us”). Your personal data enables us to achieve the “Purposes” herein that are in connection with our business.

3. Description of personal data

Personal data which we collect about you includes but is not limited to the following:

- 3.1 personal information such as name, identity card number, gender, postal address, email address, phone number and passport number;
- 3.2 IP address which is collected when you visit our website;
- 3.3 images (still and/or recording);
- 3.4 sensitive personal data, which may include your biometric data such as facial recognition data; and
- 3.5 any Personally Identifiable Information (PII) as defined by international privacy laws or standards.

4. Purposes for collection of personal data

By providing your personal data to us, you consent to our use of the personal data collected for purposes including, but not limited to, the following:

- 4.1 to provide you with services, products, facilities or benefits offered by Hap Seng Group;
- 4.2 to enable any company within Hap Seng Group to send you information about special offers, upcoming events and promotions offered by such companies or their business partners;



- 4.3 to process your applications to transact with any of Hap Seng Group's business divisions and/or our affiliates or associated companies;
- 4.4 for the daily operation of the services and/or credit facilities provided to you, including but not limited to conducting credit assessments and checks and determining your financial obligations to or from Hap Seng Group;
- 4.5 to communicate with you, including responding to your queries and/or requests;
- 4.6 to notify you of any changes to our products, goods, facilities and/or services and to improve our customer service by providing product information, updates and other related content;
- 4.7 to conduct research, surveys and trend analysis on various matters such as planning, product, goods, services, security and testing;
- 4.8 to perform statistical analysis for various objectives and share such information within Hap Seng Group;
- 4.9 for purposes connected with the operation, administration, development or enhancement of Hap Seng Group's business, including any activities relevant to supporting and/or assisting in Hap Seng Group's businesses;
- 4.10 as required by applicable law or in response to legal proceedings or requests from competent law enforcement agencies;
- 4.11 where you have provided personal data for purposes of applying for employment, to assess your suitability for a position with Hap Seng Group; and
- 4.12 for internal investigations, compliance, audit or security purposes including but not limited to crime detection, prevention and prosecution;

(collectively, "Purposes").

5. Sources of personal data

We may collect your personal data from sources including, but not limited to, the following:

- 5.1 information you provide to Hap Seng Group, such as through inquiry forms, online forms or other documents you fill in or update;
- 5.2 your participation in forums, surveys, contests and/or any interactive platform(s) or when you respond to communications with Hap Seng Group;
- 5.3 automated data collected through your use of Hap Seng Group's websites, including your IP address and browsing preferences, which are used to administer and diagnose problems with Hap Seng Group's websites and the server(s), and for the Purposes described above;



- 5.4 messages, comments or queries you submit to us in whatever manner; and
- 5.5 from publicly available sources.

6. Disclosure of personal data

For the Purposes described above, we may share and/or disclose your personal data to the following classes of third parties in connection with our business operations:

- 6.1 entities within Hap Seng Group;
- 6.2 affiliates or associated companies of Hap Seng Group;
- 6.3 vendors, agents, contractors, service providers, consultants, advisors, lawyers, company secretaries, auditors, financial institutions and/or payment processors, whether located within or outside Malaysia, who provide administrative, IT, payment and/or other services to any company within Hap Seng Group in connection with their business operations;
- 6.4 utility service providers, credit agencies, law enforcement agencies, government authorities and/or industry regulators, and
- 6.5 any actual or proposed assignee or transferee of the business of any entity within Hap Seng Group.

7. Security of personal data

We implement strict procedures and security measures to protect your personal data from unauthorised access or accidental loss. For data stored electronically, we use secure computer systems with restricted access, housed in facilities with physical security measures. Personal data stored in non-electronic formats is also secured through similarly stringent procedures and controls.

8. Use of cookies

- 8.1 When you browse our websites, certain information such as your browsing history and general location is automatically collected through cookies. By continuing to browse and communicate with us electronically, you consent to the processing of this information in the manner set out in this Notice.
- 8.2 Cookies on Hap Seng Group's websites are used in line with the Purposes described above and more specifically, to recognize return visits, monitor traffic, track usage patterns and referral sources, maintain browser sessions, estimate visitor numbers, analyse visitor profiles and personalize the content and promotions you see.
- 8.3 However, we do not use cookies to collect personally identifiable information about you. The cookies we use in no way gives us access to your computer or any information beyond what you voluntarily share.



- 8.4 You can choose to accept or decline cookies. While most web browsers automatically accept cookies, you can usually modify your browser settings to decline cookies. This may however limit your use of certain features on the website.
- 8.5 Most cookies are "session cookies" which are automatically deleted from your device at the end of your browsing session. You can also delete cookie files manually after browsing Hap Seng Group's websites to prevent tracking.
- 8.6 We do not have access to or control over third-party cookies, which are not governed by this Notice.

9. Transfer of personal data

Where necessary, we may transfer your personal data to parties located outside Malaysia and we ensure that adequate levels of protection are implemented. You hereby consent to such transfers, including to the classes of third parties set out above.

10. Marketing and promotional purposes

You may receive marketing and/or promotional emails or calls from us. If you do not wish to receive such communications, please click the "unsubscribe" link at the bottom of the email to be removed from our newsletters and contacts.

11. Retention of personal data

Any personal data we collect will be retained only as long as necessary to fulfil the purposes for which it was collected in line with our internal retention policies and guidelines, or as required to comply with legal, regulatory, taxation and accounting obligations, or to protect the interests of Hap Seng Group.

12. Data subject's obligations

It is necessary for us to collect and retain your personal data for the Purposes described above. Therefore, it is also obligatory for you to provide your personal data to us in the most accurate manner. If you do not provide us with sufficient and accurate personal data, it may affect our ability to process any application or request which you make to us and/or impact the provision of our services to you.

13. The rights of data subject

You have the right to access, correct or update your personal data, to transmit your personal data to another data controller of your choice subject to technical feasibility and data format compatibility, to withdraw your consent for Hap Seng Group to process your personal data for any of the Purposes outlined above, and to restrict the processing of your personal data. If you wish to exercise any of these rights, you may do so by submitting a request in writing to the address or email



provided in Section 15 below. Please note that withdrawing your consent does not affect the lawfulness of any processing carried out based on your consent prior to its withdrawal.

14. Changes to the Notice

Hap Seng Group reserves the right to amend or update this Notice at any time to reflect changes in legal requirements, our data processing practices, or the features of our services. Any such amendments or updates shall be notified through our website or other appropriate communication channels.

15. Inquiries and complaints

If you would like to make any inquiries or complaints in relation to our use and processing of your personal data, kindly reach out to Hap Seng Group's Data Protection Officer at:

Contact number	: 03-2172 5228
Email address	: pdpo@hapseng.com
Postal address	: Level 20, Menara Hap Seng, Letter Box 98, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur

16. Language

In accordance with the Personal Data Protection Act 2010, this Notice is issued in both English and Bahasa Malaysia. In the event of any inconsistencies or discrepancies between the English version and the Bahasa Malaysia version, the English version shall prevail.

17. Acknowledgment and consent

By submitting your personal data to us, you acknowledge that you have read and understood the above Personal Data Protection Notice and expressly agree and consent to the collection, use, processing, disclosure and transfer of your personal data by Hap Seng Group for the purposes set out in this Notice.



NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

1. Pengenalan

Kami menghormati privasi anda dan komited untuk melindungi data peribadi anda. Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, pindaan-pindaan dan peraturan-peraturannya, Notis ini dikeluarkan untuk memaklumkan hak-hak anda berkaitan data peribadi yang telah dan/atau akan dikumpul dan diproses oleh kami.

2. Pengumpulan data peribadi

Kami telah mengumpul dan akan mengumpul data peribadi anda untuk diproses oleh kami dan/atau bagi pihak kami dalam urusan anda semasa atau masa depan dengan Hap Seng Consolidated Berhad, anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu ("Kumpulan Hap Seng", "kami" atau "kita"). Data peribadi anda membolehkan kami mencapai "Tujuan" yang dinyatakan di sini yang berkaitan dengan perniagaan kami.

3. Penerangan data peribadi

Data peribadi yang kami kumpul mengenai anda termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- 3.1 maklumat peribadi seperti nama, nombor kad pengenalan, jantina, alamat surat-menyurat, alamat emel, nombor telefon dan nombor pasport;
- 3.2 alamat IP yang dikumpul semasa anda melawat laman web kami;
- 3.3 imej (statik dan/atau rakaman);
- 3.4 data peribadi sensitif, yang mana termasuk data biometrik anda seperti data pengecaman wajah; dan
- 3.5 apa-apa Maklumat Mengenal Pasti Peribadi (PII) seperti yang ditakrifkan oleh undang-undang atau piawaian privasi antarabangsa.

4. Tujuan pengumpulan data peribadi

Dengan memberikan data peribadi anda kepada kami, anda memberi persetujuan kepada kami untuk menggunakan data peribadi yang dikumpul untuk tujuan termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- 4.1 untuk memberikan perkhidmatan, produk, kemudahan atau manfaat yang ditawarkan oleh Kumpulan Hap Seng kepada anda;
- 4.2 untuk membolehkan mana-mana syarikat dalam Kumpulan Hap Seng menghantar maklumat mengenai tawaran istimewa, acara akan datang dan promosi yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat tersebut atau rakan perniagaan mereka;



- 4.3 untuk memproses permohonan anda untuk berurusan dengan mana-mana bahagian perniagaan Kumpulan Hap Seng dan/atau sekutu atau syarikat bersekutu kami;
- 4.4 untuk operasi harian perkhidmatan dan/atau kemudahan kredit yang diberikan kepada anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada menjalankan penilaian dan semakan kredit serta menentukan kewajipan kewangan anda kepada atau dari Kumpulan Hap Seng;
- 4.5 untuk berkomunikasi dengan anda, termasuk menjawab pertanyaan dan/atau permintaan anda;
- 4.6 untuk memaklumkan anda mengenai sebarang perubahan kepada produk, barangan, kemudahan dan/atau perkhidmatan kami dan untuk meningkatkan perkhidmatan pelanggan kami dengan menyediakan maklumat produk, kemas kini dan kandungan berkaitan lain;
- 4.7 untuk menjalankan penyelidikan, tinjauan dan analisis trend mengenai pelbagai perkara seperti perancangan, produk, barangan, perkhidmatan, keselamatan dan ujian;
- 4.8 untuk melakukan analisis statistik untuk pelbagai objektif dan berkongsi maklumat tersebut dalam Kumpulan Hap Seng;
- 4.9 untuk tujuan yang berkaitan dengan operasi, pentadbiran, pembangunan atau peningkatan perniagaan Kumpulan Hap Seng, termasuk sebarang aktiviti yang berkaitan dengan menyokong dan/atau membantu dalam perniagaan Kumpulan Hap Seng;
- 4.10 seperti yang dikehendaki oleh undang-undang yang berkenaan atau sebagai tindak balas kepada prosiding undang-undang atau permintaan daripada agensi penguatkuasa undang-undang yang kompeten;
- 4.11 di mana anda telah memberikan data peribadi untuk tujuan memohon pekerjaan, untuk menilai kesesuaian anda bagi jawatan dalam Kumpulan Hap Seng; dan
- 4.12 untuk tujuan dalaman seperti penyiasatan, pematuhan, audit atau keselamatan termasuk tetapi tidak terhad kepada pengesanan, pencegahan dan pendakwaan jenayah;

(kesemuanya dirujuk sebagai “Tujuan”).

5. Sumber data peribadi

Kami mengumpul data peribadi anda daripada sumber termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- 5.1 maklumat yang anda berikan kepada Kumpulan Hap Seng, seperti melalui borang pertanyaan, borang dalam talian atau dokumen lain yang anda isi atau kemas kini;



- 5.2 penyertaan anda dalam forum, tinjauan, pertandingan dan/atau platform interaktif lain atau apabila anda memberi respons kepada komunikasi dengan Kumpulan Hap Seng;
- 5.3 data automatik yang dikumpul melalui penggunaan laman web Kumpulan Hap Seng, termasuk alamat IP dan keutamaan pelayaran anda, yang digunakan untuk mentadbir dan mendiagnosis masalah dengan laman web Kumpulan Hap Seng dan pelayan-pelayan, dan untuk Tujuan yang diterangkan di atas;
- 5.4 mesej, komen atau pertanyaan yang anda serahkan kepada kami dalam apa jua cara; dan
- 5.5 daripada sumber yang tersedia kepada umum.

6. Penzahiran data peribadi

Untuk Tujuan yang diterangkan di atas, kami akan berkongsi dan/atau menzahirkan data peribadi anda kepada kelas pihak ketiga berikut yang berkaitan dengan operasi perniagaan kami:

- 6.1 entiti dalam Kumpulan Hap Seng;
- 6.2 sekutu atau syarikat bersekutu Kumpulan Hap Seng;
- 6.3 penjual, ejen, kontraktor, penyedia perkhidmatan, perunding, penasihat, peguam, setiausaha syarikat, juruaudit, institusi kewangan dan/atau pemproses pembayaran, sama ada yang berada di dalam atau di luar Malaysia, yang menyediakan perkhidmatan pentadbiran, IT, pembayaran dan/atau perkhidmatan lain kepada mana-mana syarikat dalam Kumpulan Hap Seng berkaitan dengan operasi perniagaan mereka;
- 6.4 penyedia perkhidmatan utiliti, agensi kredit, agensi penguatkuasa undang-undang, pihak berkuasa kerajaan dan/atau pengawal selia industri; dan
- 6.5 mana-mana penerima serah hak sebenar atau cadangan atau penerima pindahan perniagaan mana-mana entiti dalam Kumpulan Hap Seng.

7. Keselamatan data peribadi

Kami melaksanakan prosedur dan langkah keselamatan yang ketat untuk melindungi data peribadi anda daripada akses tanpa kebenaran atau kehilangan secara tidak sengaja. Bagi data yang disimpan secara elektronik, kami menggunakan sistem komputer yang selamat dengan akses terhad, yang ditempatkan di kemudahan dengan langkah keselamatan fizikal. Data peribadi yang disimpan dalam format bukan elektronik juga dilindungi melalui prosedur dan kawalan yang serupa.



8. Penggunaan kuki

- 8.1 Semasa anda melayari laman web kami, maklumat tertentu seperti sejarah pelayaran dan lokasi umum anda dikumpul secara automatik melalui kuki. Dengan terus melayari dan berkomunikasi dengan kami secara elektronik, anda memberi persetujuan kepada pemprosesan maklumat ini seperti yang dinyatakan dalam Notis ini.
- 8.2 Kuki di laman web Kumpulan Hap Seng digunakan selaras dengan Tujuan yang diterangkan di atas dan lebih khusus lagi, untuk mengenali lawatan semula, memantau trafik, menjejak corak penggunaan dan sumber rujukan, mengekalkan sesi pelayar, menganggar bilangan pelawat, menganalisis profil pelawat dan mempersonalisasikan kandungan dan promosi yang anda lihat.
- 8.3 Walau bagaimanapun, kami tidak menggunakan kuki untuk mengumpul maklumat peribadi yang boleh mengenal pasti anda. Kuki yang kami gunakan tidak memberi kami akses kepada komputer anda atau sebarang maklumat selain daripada yang anda kongsi secara sukarela.
- 8.4 Anda boleh memilih untuk menerima atau menolak kuki. Walaupun kebanyakan pelayar web menerima kuki secara automatik, anda biasanya boleh mengubah tetapan pelayar anda untuk menolak kuki. Walau bagaimanapun, ini mungkin menghadkan penggunaan ciri-ciri tertentu di laman web.
- 8.5 Kebanyakan kuki adalah “kuki sesi” yang akan dipadamkan secara automatik daripada peranti anda sebaik sahaja sesi pelayaran anda tamat. Anda juga boleh memadamkan fail kuki secara manual selepas melayari laman web Kumpulan Hap Seng bagi mengelakkan penjejakan.
- 8.6 Kami tidak mempunyai akses kepada atau kawalan ke atas kuki pihak ketiga, yang tidak tertakluk kepada Notis ini.

9. Pemindahan data peribadi

Jika perlu, kami akan memindahkan data peribadi anda kepada pihak yang berada di luar Malaysia dan kami akan memastikan tahap perlindungan yang mencukupi dilaksanakan. Dengan ini, anda bersetuju terhadap pemindahan tersebut, termasuk kepada kategori pihak ketiga seperti yang dinyatakan di atas.

10. Tujuan pemasaran dan promosi

Anda mungkin akan menerima e-mel atau panggilan berkaitan pemasaran dan/atau promosi daripada kami. Jika anda tidak ingin menerima komunikasi sedemikian, sila klik pautan “nyahlanggan” di bahagian bawah e-mel untuk dikeluarkan daripada senarai surat berita dan kenalan kami.



11. Penyimpanan data peribadi

Sebarang data peribadi yang dikumpulkan akan disimpan hanya untuk tempoh yang diperlukan bagi memenuhi tujuan data tersebut dikumpulkan, selaras dengan dasar dan garis panduan penyimpanan dalaman kami, atau sebagaimana yang dikehendaki untuk mematuhi kewajipan undang-undang, peraturan, percukaian dan perakaunan, atau untuk melindungi kepentingan Kumpulan Hap Seng.

12. Kewajipan subjek data

Adalah perlu bagi kami untuk mengumpul dan menyimpan data peribadi anda bagi Tujuan yang dinyatakan di atas. Oleh itu, anda juga diwajibkan untuk memberikan data peribadi anda secara tepat. Jika anda gagal memberikan data peribadi yang mencukupi dan tepat, ia mungkin menjejaskan keupayaan kami untuk memproses sebarang permohonan atau permintaan yang anda buat kepada kami dan/atau menjejaskan penyampaian perkhidmatan kami kepada anda.

13. Hak subjek data

Anda mempunyai hak untuk mengakses, membetulkan atau mengemas kini data peribadi anda, untuk menghantar data peribadi anda kepada pengawal data lain pilihan anda tertakluk kepada kebolehlaksanaan teknikal dan keserasian format data, untuk menarik balik persetujuan anda bagi Kumpulan Hap Seng memproses data peribadi anda bagi mana-mana Tujuan yang dinyatakan di atas, serta untuk menghadkan pemprosesan data peribadi anda. Jika anda ingin melaksanakan mana-mana hak ini, anda boleh mengemukakan permintaan secara bertulis ke alamat atau e-mel yang dinyatakan dalam Seksyen 15 di bawah. Sila ambil perhatian bahawa penarikan balik persetujuan tidak menjejaskan kesahan sebarang pemprosesan yang dilakukan berdasarkan persetujuan anda sebelum penarikan balik tersebut.

14. Perubahan kepada Notis

Kumpulan Hap Seng berhak untuk meminda atau mengemas kini Notis ini pada bila-bila masa bagi mencerminkan perubahan keperluan undang-undang, amalan pemprosesan data kami, atau ciri-ciri perkhidmatan kami. Sebarang pindaan atau kemas kini tersebut akan dimaklumkan melalui laman web kami atau saluran komunikasi lain yang sesuai.

15. Pertanyaan dan aduan

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan penggunaan dan pemprosesan data peribadi anda oleh kami, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data Kumpulan Hap Seng di:

Nombor telefon : 03-2172 5228
Alamat e-mel : pdpo@hapseng.com
Alamat pos : Level 20, Menara Hap Seng, Letter Box 98, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur



16. Bahasa

Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Notis ini dikeluarkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

17. Pengakuan dan persetujuan

Dengan menyerahkan data peribadi anda kepada kami, anda mengakui bahawa anda telah membaca dan memahami Notis Perlindungan Data Peribadi ini serta bersetuju dan memberi keizinan secara nyata kepada pengumpulan, penggunaan, pemprosesan, penzahiran dan pemindahan data peribadi anda oleh Kumpulan Hap Seng untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Notis ini.